

NAMA MODUL	PEMBANGUNAN JIWA INSAN (PUJI)		
TAJUK	PEMBAHAGIAN AIR DAN NAJIS		
OBJEKTIF PRESTASI TERMINAL	Mengetahui dan beramal dengan pemahaman serta pengamalan yang betul tentang pembahagian air dan najis. Ia turut diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian.		
NAMA		NO. K/P	
TUJUAN : Kertas tugas ini adalah untuk pelatih ; 1. Menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang pembahagian air dan najis. 2. Menguji kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang ciri dan kepentingan memahami pembahagian air dan najis. ARAHAN : 1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang terkandung dalam Helaian Tugas ini. 2. Baca dengan teliti sebelum menjawab semua soalan berikut.			

1. Apakah kegunaan air mutlak dan kaitannya dengan kehidupan orang Islam ?
 - A. Untuk dijadikan minuman
 - B. Untuk kegunaan keperluan harian seperti memasak, membasuh pakaian dan lain-lain.
 - C. Untuk mengangkat hadas dan menyucikan najis
 - D. Untuk pengetahuan sahaja

2. Bagaimanakah air mustakmal boleh menjadi air mutlak ?
- A. Air yang dikumpulkan dan cukup serta melebihi 2 kolah dengan tidak ada perubahan warna, bau dan rasa.
 - B. Air yang kurang 2 kolah dan ada perubahan warna, bau dan rasa.
 - C. Air yang bercampur dengan najis dan melebihi 2 kolah tetapi ada perubahan warna, bau dan rasa.
 - D. Air yang terkena pancaran matahari yang terik dan memudaratkan jika digunakan.
3. Apakah yang diertikan dengan air mustakmal ?
- A. Air yang suci dan menyucikan
 - B. Air bercampur dengan najis
 - C. Air yang kurang dari 2 kolah dan titisan pertama air dari basuhan anggota ketika berwuduk dan mandi hadas
 - D. Air di dalam perigi
4. Hukum penggunaan air musyammas adalah makruh kecuali...
- A. Mandi
 - B. Bersuci
 - C. Berwuduk
 - D. Digunakan ketika sudah sejuk
5. Pembahagian najis dikategorikan dalam beberapa bahagian antaranya najis mukhaffafah. Apakah yang dimaksudkan dengan najis mukhaffafah ?
- A. Air kencing haiwan peliharaan seperti kucing
 - B. Air kencing kanak-kanak lelaki berusia 1 tahun yang menyusu susu formula
 - C. Air kencing kanak-kanak perempuan berusia 1 tahun yang hanya menyusu susu ibunya sahaja
 - D. Air kencing kanak-kanak lelaki berusia kurang dari 2 tahun yang hanya menyusu susu ibunya sahaja dan tidak makan sesuatu yang lain

6. Bagaimanakah cara membersihkan najis mukhaffafah ?
- A. Hilangkan najis dan mencurahkan air mustakmal ke tempat yang terkena najis
 - B. Hilangkan najis dan memercikkan air mutlak ke tempat yang terkena najis.
 - C. Terus menjirus air mutlak tanpa menghilangkan najis terlebih dahulu.
 - D. Lapkan najis dengan tisu basah dan sembur bahan pewangi febrez.
7. Bagaimanakah cara membersihkan najis mutawassitah ?
- A. Hilangkan najis dan mencurahkan air mustakmal ke tempat yang terkena najis
 - B. Lapkan najis dengan tisu basah dan sembur bahan pewangi febrez.
 - C. Terus menjirus air mutlak tanpa menghilangkan najis terlebih dahulu.
 - D. Hilangkan najis dan dicuci menggunakan air mutlak dan dipastikan hilang 3 sifat iaitu warna, bau dan rasa.
8. Najis mughallazah ialah babi dan anjing atau anak yang diperanakkan oleh salah satu dari keduanya. Apabila terkena najis ini bagaimanakah cara menyucikannya?
- A. Hilangkan najis dan mencurahkan air mustakmal ke tempat yang terkena najis
 - B. Hilangkan najis dahulu, cucian pertama hendaklah menggunakan tanah yang bersih dicampurkan dengan air mutlak. Kemudian selepas itu, dibilas dengan 6 kali menggunakan air mutlak.
 - C. Terus menjirus air mutlak tanpa menghilangkan najis terlebih dahulu.
 - D. Hilangkan najis dan dicuci menggunakan air mutlak dan dipastikan hilang 3 sifat iaitu warna, bau dan rasa.